# MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
# KENYATAAN TENDER PERUNDING

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang** seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :-

| NO TENDER | BUTIR-BUTIR PELAWAAN | KOD BIDANG | TARIKH TUTUP TENDER (12.00 TENGAHARI) | SYARAT-SYARAT UTAMA PELAWAAN |
|---|---|---|---|---|
| MBJB/P/ 1/2022 (TENDER SEMULA) | **KAJIAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) SUNGAI TEBRAU** | **330206 (Perkhidmatan Perunding Fizikal / Bukan Kejuruteraan/ Perancang Bandar Dan Wilayah)** | **26 APRIL 2022 (Selasa)** | Syarat-syarat yang **PERLU** dipenuhi bagi membolehkan pembelian Dokumen Pelawaan.<br>1. Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Dan Tempoh Pendaftaran Masih Sah Serta Berdaftar Di Bawah Kod Bidang Yang Ditetapkan.<br>2. Berdaftar dengan **"Lembaga Perancang Bandar Malaysia"** dan tempoh pendaftaran masih sah semasa tarikh tutup tender.<br>3. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), bertaraf Sendirian Berhad dan tempoh pendaftaran masih sah.<br>4. Bagi tujuan pengesahan, **Sijil Asal dan Salinan** hendaklah dibawa semasa taklimat tender dan pembelian dokumen.<br>5. **WAJIB** menghadiri taklimat tender seperti berikut :<br><br>**KAJIAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) SUNGAI TEBRAU**<br><br>Tarikh : 4 April 2022 (Isnin)<br>Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang<br>Tempat : Taklimat Secara Dalam Talian |

Syarat-syarat Am, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh dibeli di **Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru** daripada pukul **8.00 pagi sehingga 1.00 tengahari dan daripada pukul 2.00 petang sehingga 5.00 petang** bermula pada **5 April 2022 hingga 24 April 2022**.

Bagi tujuan di atas, sila bawa bersama **SIJIL VIRTUAL** dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Lembaga Profesion berkaitan dan SSM yang sah tempoh pendaftaran serta satu salinan pendua sijil-sijil berkenaan untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa **membeli dokumen pelawaan**. Dokumen pelawaan akan dikeluarkan kepada wakil-wakil firma perunding yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil firma perunding hendaklah membawa **SIJIL VIRTUAL.**

Dokumen Pelawaan dijual dengan harga **RM300.00 ( Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Sahaja )** bagi setiap satu (1) set. Bayaran perlu dilakukan di sistem iPerolehan MBJB dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem eKhidmat *(http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/)* atau di kiosk MBJB sahaja. Sila Rujuk sistem **iPerolehan MBJB** bagi penjualan tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadanga Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan dengan jelas di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan **"Cadangan Teknikal'** dan **"Cadangan Kos"** beserta **No.Tender** dan **Tajuk** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti yang dinyatakan di atas di alamat :-

Tempat Serahan Dokumen : **Peti Tawaran, Aras Bawah,**
**Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru**

Cadangan Teknikal dan cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender **tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari** mengikut tarikh tutup tender yang telah ditetapkan di atas. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

**DATO' HAJI MOHD NOORAZAM BIN DATO' HAJI OSMAN**
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.